A

PP lwn. SUKVEER SINGH BEALDAVE SINGH

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, ALOR SETAR
HASHIM HAMZAH H
[RJK: 42LB-11-05-2014]
17 OGOS 2015

B

UNDANG-UNDANG JENAYAH: *Kanun Keseksaan – Seksyen 395/397 – Rompakan berkumpulan – Tertuduh dan dua orang yang lain merompak wang gaji yang dibawa mangsa-mangsa – Pembelaan – Alibi – Kegagalan memberi notis berdasarkan s. 402A(3) Kanun Tatacara Jenayah – Sama ada Hakim Mahkamah Sesyen terkhilaf apabila membebaskan dan melepaskan tertuduh*

C

PROSEDUR JENAYAH: *Rayuan – Rayuan terhadap pembebasan dan pelepasan – Rayuan oleh pendakwaan – Tertuduh dan dua orang yang lain dilepaskan dan dibebaskan daripada pertuduhan di bawah s. 395/397 Kanun Keseksaan – Pembelaan – Alibi – Kegagalan memberi notis berdasarkan s. 402A(3) Kanun Tatacara Jenayah – Sama ada Hakim Mahkamah Sesyen terkhilaf apabila membebaskan dan melepaskan tertuduh*

D

KETERANGAN: *Kawad cam – Pengendalian kawad cam – Sama ada teratur – Sama ada pengecaman tertuduh boleh diterima – Sama ada tertuduh harus dilepaskan dan dibebaskan*

E

KETERANGAN: *Anggapan bertentangan – Kegagalan pihak pendakwaan memanggil saksi material – Kegagalan memanggil individu lain yang turut ditangkap bersama tertuduh sebagai saksi – Sama ada anggapan di bawah s. 114(g) Akta Keterangan 1950 terpakai terhadap pihak pendakwaan*

F

SP2, SP3 dan SP4 sedang dalam perjalanan kembali ke ladang Kupang dengan membawa wang gaji pekerja ladang tersebut sebanyak RM81,601.06 (wang gaji) dengan menaiki sebuah kereta. Ketika itu, SP2, SP3 dan SP4 telah melihat dua buah motosikal yang dinaiki empat orang lelaki. Kesemua lelaki tersebut memakai topi keledar. Salah seorang daripada mereka memecahkan cermin tingkap kereta dan meragut beg berisi wang gaji yang berada di atas riba SP2. Pada masa yang sama, salah seorang daripada mereka (responden) telah mengetuk cermin tingkap belakang kereta tersebut. Kemudiannya, kesemua lelaki tersebut telah melarikan diri. Responden dan dua tertuduh lain berjaya ditangkap. Semasa sesi kawad cam, SP2 dapat mengecam responden kerana jarak SP2 dengan responden hanya lebih kurang 3-4 kaki apabila responden mengetuk cermin belakang kereta tersebut. Berikutan itu, responden telah dituduh bersama-sama dengan dua orang lagi (Yohanathan dan Thamootaran) di bawah s. 395/397 dibaca bersama-sama dengan s. 34 Kanun Keseksaan. Yohanathan dan Thamootaran telah dilepaskan dan dibebaskan daripada pertuduhan di akhir kes pendakwaan manakala responden pula dipanggil untuk membela diri. Responden memberi keterangan bahawa semasa kejadian, ketiga-tiga tertuduh termasuk responden telah pergi ke Baling dari Kulim untuk mencari madu. Responden juga

G

H

I

menyatakan bahawa pada hari kejadian itu, dia terjumpa dengan satu Melvindran dan satu Ravindran di stesen bas pekan Baling. Oleh itu, walaupun responden gagal memberikan notis alibi semasa pengurusan kes atau memberikan notis bertulis kepada pendakwa raya di bawah peruntukan s. 402A(3) Kanun Tatacara Jenayah ('KTJ') sebelum mengemukakan keterangan alibinya, Hakim Mahkamah Sesyen ('HMS') telah melepaskan dan membebaskan responden di akhir kes pembelaan. Tidak berpuas hati, pihak pendakwaan ('perayu') telah merayu ke Mahkamah Tinggi. Dalam petisyen rayuannya, perayu telah membangkitkan alasan bahawa HMS telah terkhilaf dari segi undang-undang dan fakta, antara lain, kerana (i) memutuskan penafian responden dengan mengatakan responden tidak berada di tempat kejadian disokong oleh tindakannya mengemukakan notis alibi sedangkan tiada notis alibi yang dikemukakan oleh responden; dan (ii) memberikan penekanan yang lebih kepada penafian responden tanpa mengambil kira keseluruhan keterangan SP2, SP3 dan SP4 yang dapat mengecamkan responden secara positif.

Diputuskan (menolak rayuan perayu; mengekalkan keputusan HMS):

(1) Sepanjang perbicaraan, pihak responden tidak pernah memberikan notis alibi seperti yang dikehendaki oleh s. 402A KTJ. Walau bagaimanapun, kegagalan pihak responden mengemukakan notis alibi tidak bermakna bahawa keterangannya harus diketepikan sama sekali. (perenggan 7)

(2) Melalui Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2010, yang berkuatkuasa mulai 1 Jun 2012, s. 402A KTJ telah dipinda dengan menggantikan s. 402A KTJ yang lama. Peruntukan baru ini digubal untuk memudahkan dan memberikan kelonggaran kepada tertuduh berkaitan pemberian notis alibi kepada pihak pendakwa raya. (perenggan 11 & 12)

(3) Peruntukan s. 402A KTJ yang baru tidak menyatakan kebolehterimaan keterangan yang menyokong alibi tanpa notis alibi dikemukakan kepada pendakwa raya. Oleh itu, memandangkan tiada notis alibi dikemukakan kepada pihak pendakwa raya, maka pihak polis dinafikan hak untuk menyiasat kesahihan alibi tersebut terutama butiran di s. 402A(4) KTJ. Maka, keterangan untuk menyokong alibi responden sewajarnya tidak boleh dipertimbangkan. (perenggan 14)

(4) Seksyen 402A(1) KTJ yang baru memperuntukkan bahawa 'The court shall, at the time the accused is being charged, inform the accused as to his right to put forward a defence of alibi'. Perkataan yang digunakan adalah 'shall'. Semakan ke atas nota keterangan kes ini tidak menunjukkan bahawa peruntukan ini dipatuhi. Adalah satu kemestian kepada mahkamah untuk mematuhi peruntukan tersebut. (perenggan 15)

(5) Berdasarkan keterangan SP4, sebelum dirompak wang gaji yang dipegang oleh SP2. SP2 pada masa itu duduk di hadapan di sebelah pemandu manakala SP4 pula duduk di belakang kereta tersebut. Amat

menghairankan bahawa SP2 tidak dapat mengecam lelaki yang memecahkan cermin di sebelah SP2 duduk tetapi dapat mengecam lelaki yang memecahkan cermin di belakangnya. Oleh itu terdapat keraguan tentang pengecaman dari keterangan saksi-saksi pihak pendakwaan. (perenggan 18)

(6) Kawad cam hendaklah dijalankan secara teratur supaya pengecaman saksi dalam kawad cam dapat diterima oleh mahkamah. Sesi kawad cam tersebut diadakan hampir seminggu selepas kejadian. Pada masa kejadian dan juga kawad cam, responden berusia 20 tahun. Terdapat perbezaan umur yang ketara antara peserta kawad cam tersebut dengan responden. Berdasarkan isu ini sahaja keterangan pengecaman melalui kawad cam seharusnya diketepikan. (perenggan 19 & 21)

(7) SP2 semasa perbicaraan menyatakan bahawa dia dapat mengecam responden berdasarkan hidungnya bengkok sedikit. Tiada mana-mana di dalam laporan kawad cam atau laporan polis yang menyatakan bahawa lelaki yang merompak SP2, SP3 dan SP4 ini mempunyai deskripsi sedemikian dan pengecaman mereka adalah berdasarkan kepada deskripsi tersebut. Hanya semasa perbicaraan perkara deskripsi ini ditimbulkan. Tambahan pula semasa rompakan berlaku, mengikut keterangan saksi, mereka memakai topi keledar dan semasa kawad cam responden dan kesemua peserta tidak memakai topi keledar. Dalam hal ini, keterangan ketiga-tiga kawad cam terhadap responden adalah tidak bernilai dari segi keterangan. (perenggan 22 & 23)

(8) Kedua-dua Melvindran dan Ravindran tidak dipanggil oleh pendakwaan untuk memberi keterangan. Seksyen 114(g) Akta Keterangan 1950 boleh dibangkitkan kerana kedua-dua saksi tersebut yang menamakan responden dan dua yang lain terlibat dalam rompakan ini adalah saksi material tetapi tidak dipanggil memberi keterangan atau sekurang-kurangnya ditawarkan kepada pembelaan. Oleh itu, pihak pendakwaan telah gagal untuk membuktikan kesnya tanpa keraguan yang munasabah. (perenggan 26)

Kes-kes yang dirujuk:
Chan Sin v. PP [1949] 1 LNS 9 HC ***(dirujuk)***
Edy S v. PP [2013] 9 CLJ 48 CA ***(dirujuk)***
Jaafar Ali v. PP [1999] 1 CLJ 410 HC ***(dirujuk)***
Ku Lip See v. PP [1981] 1 LNS 155 FC ***(dirujuk)***
Munusamy Vengadasalam v. PP [1987] 1 CLJ 250; [1987] CLJ (Rep) 221 SC ***(dirujuk)***
PP v. Pasupathy Kanagasaby [2001] 2 CLJ 753 CA ***(dirujuk)***
Rangapula Ramasamy & Anor v. PP [1981] CLJ 129; [1981] CLJ Rep 261 HC ***(dirujuk)***
Vasan Singh v. PP [1989] 2 CLJ 402; [1989] 1 CLJ (Rep) 166 SC ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Criminal Procedure Code, ss. 112, 402A(1), (3), (4)
Evidence Act 1950, s. 114(g)
Penal Code, s. 34

Bagi pihak responden - A Chandra Segaran Achannah; T/n Chandran Segaran
Bagi pihak perayu - Nurshuhada Mohd Yatim; Pejabat Penasihat Undang-Undang

Dilaporkan oleh Sandra Gabriel

PENGHAKIMAN

Hashim Hamzah H:

Pengenalan

[1] Responden telah dituduh bersama-sama dengan dua orang lagi iaitu Yohanathan a/l Arumugam (tertuduh di dalam kes 62-187-08-2012) dan Thamootaran a/l Dhasarajoo (tertuduh di dalam kes 62-95-04-2013) di bawah s. 395/397 dan dibaca bersama s. 34 Kanun Keseksaan. Perbicaraan dijalankan bersekali. Tertuduh-tertuduh Yohanathan a/l Arumugam dan Thamootaran a/l Dhasarajoo telah dilepas dan dibebaskan daripada pertuduhan di akhir kes pendakwaan manakala responden pula telah dipanggil untuk membela diri. Di akhir kes pembelaan, Hakim Mahkamah Sesyen (HMS) telah melepas dan membebaskan responden daripada pertuduhan tersebut. Pihak perayu yang tidak berpuas hati dengan keputusan tersebut telah merayu ke Mahkamah Tinggi. Di Mahkamah Tinggi, saya telah mendengar hujah kedua-dua pihak dan telah menolak rayuan perayu dan mengekalkan keputusan HMS yang melepaskan dan membebaskan responden di akhir kes pembelaan.

Latar Belakang Kes

[2] Responden dituduh dengan pertuduhan seperti berikut:

> Bahawa kamu bersama-sama dengan tiga orang lagi yang masih bebas telah pada 07-08-2012 sekitar jam 11.15 pagi di jalan masuk Ladang Kupang, Baling, Kedah Darul Aman merompak wang tunai jumlahnya bernilai RM81,601.06 yang berada dalam kawalan Ahmad Zaki Hassan milik Syarikat Ladang Kupang dengan menggunakan kapak dan parang. Oleh yang demikian kamu telah melakukan suatu kesalahan yang boleh dihukum dibawah seksyen 395/397 Kanun Keseksaan dan dibaca bersama seksyen 34 Kanun Keseksaan.

[3] Fakta ringkas adalah seperti berikut. Mangsa adalah Ahmad Zaki bin Hassan (SP2) bertugas sebagai Pengurus Ladang Kupang. Pada 7 Ogos 2012 jam lebih kurang 11.55 pagi semasa beliau bersama dua orang pengawal keselamatan ladang iaitu Mohd Jasni bin Ahmad (SP3) dan Abdul Jabir bin Salleh (SP4) membawa wang gaji dengan menaiki kenderaan Perodua Kembara dengan nombor pendaftaran KBW 3726 dan apabila sampai ke persimpangan masuk Ladang Kupang telah melihat dua buah motosikal dengan masing-masing pembonceng dan penumpang (semuanya 4 orang) berada di laluan tersebut. Kesemua mereka memakai pakaian gelap dan memakai topi keledar. Apabila sampai dalam jarak lebih kurang 60 meter untuk masuk ke Ladang Kupang itu, kenderaan yang dinaiki oleh SP2 telah

memberi laluan dengan mengenepikan sedikit kenderaan untuk membolehkan dua buah motosikal tadi yang datang dari arah bertentangan itu lalu. Pada masa itu, salah sebuah motosikal itu telah menghalang dengan berada di hadapan kereta yang dinaiki oleh SP2, SP3 dan SP4 dan sebuah motosikal lagi telah berhenti di sebelah kanan kenderaan yang dinaiki mangsa iaitu di sebelah pemandu.

[4] Salah seorang daripada lelaki tersebut telah mengetuk cermin tingkap sebelah pemandu (SP3) sehingga cermin berlubang tetapi tidak pecah sambil menjerit, "Mana Duit"? Mana Duit?" Kemudiannya lelaki yang sama telah memecahkan cermin tingkap kereta sebelah SP2 duduk dengan menggunakan sebilah kapak dan terus meragut beg berisi wang gaji pekerja ladang yang berada di atas riba SP2. Dalam masa yang sama, seorang lagi dari mereka telah mengetuk cermin tingkap belakang kereta tersebut hingga retak dan pada masa itulah, menurut SP2 dia dapat mengecam lelaki tersebut kerana jarak SP2 dengan lelaki tersebut hanya lebih kurang 3-4 kaki sahaja. Kemudian kesemua lelaki tersebut telah melarikan diri. Tiga orang telah ditangkap termasuk responden. Semasa sesi kawad cam yang dikendalikan oleh pihak polis kemudiannya, SP2, SP3 dan SP4 telah mengecam responden sebagai lelaki yang mengetuk cermin belakang kereta yang dinaiki oleh SP2, SP3 dan SP4.

Petisyen Rayuan Perayu

[5] Perayu di dalam petisyen rayuannya membangkitkan tujuh alasan mengapa perayu tidak berpuas hati dengan keputusan HMS iaitu:

(i) HMS telah terkhilaf dari segi undang-undang dan fakta apabila memutuskan bahawa perayu telah gagal membuktikan suatu kes melampaui keraguan yang munasabah.

(ii) HMS telah terkhilaf dari segi undang-undang dan fakta apabila memutuskan penafian responden dengan mengatakan responden tidak berada di tempat kejadian disokong oleh tindakannya mengemukakan notis alibi sedangkan tiada notis alibi yang dikemukakan oleh responden.

(iii) HMS telah terkhilaf dari segi undang-undang dan fakta apabila memberikan penekanan berlebihan kepada penafian responden tanpa mengambil kira keseluruhan keterangan SP2, SP3 dan SP4 yang dapat camkan responden secara positif.

(iv) HMS telah terkhilaf dari segi undang-undang dan fakta apabila memutuskan keterangan responden disokong oleh SD2 tanpa mengambil kira SD2 adalah saksi berkepentingan.

(v) HMS telah terkhilaf dari segi undang-undang dan fakta apabila memutuskan bahawa tiada siasatan yang menyeluruh dilakukan terhadap isu alibi oleh pegawai penyiasat sedangkan tiada notis alibi yang dikemukakan oleh responden.

(vi) HMS telah terkhilaf dari segi undang-undang dan fakta kerana gagal memutuskan bahawa pembelaan responden hanyalah berbentuk penafian semata-mata dan pemikiran terkemudian.

(vii) HMS telah terkhilaf dari segi undang-undang dan fakta kerana gagal membuat penilaian kehakiman terhadap semua keterangan-keterangan yang telah dikemukakan.

[6] Memandangkan bahawa alasan yang dibangkitkan perayu saling berkait, saya akan menelitinya bersekali.

Alibi

[7] Adalah tidak dinafikan bahawa sepanjang perbicaraan ini, pihak responden tidak pernah memberikan notis alibi sepertimana yang dikehendaki di bawah s. 402A Kanun Tatacara Jenayah (CPC). Oleh itu HMS telah tersilap di dalam perkara ini. Walau bagaimanapun, kegagalan pihak responden mengemukakan notis alibi tidak bermakna bahawa keterangannya harus diketepikan sama sekali.

[8] Di sini saya ingin membuat perbandingan di antara peruntukan s. 402A CPC sebelum dan selepas pindaan. Peruntukan s. 402A CPC sebelum pindaan telah dengan jelas menyatakan kesan jika tiada sebarang notis alibi dikemukakan:

(1) Where in any criminal trial the accused seeks to put forward a defence of alibi, evidence in support thereof shall not be admitted unless the accused shall have given notice in writing thereof to the Public Prosecutor at least ten days before the commencement of the trial.

[9] Saya merujuk kepada kes Mahkamah Persekutuan *Ku Lip See v. Public Prosecutor* [1981] 1 LNS 155; [1982] 1 MLJ 194 di mana Abdul Hamid FJ memutuskan dan menggariskan prinsip bahawa:

> We have noted what Azmi J said in *Public Prosecutor v Lim Chen Len* [1981] 2 MLJ 41 concerning the admissibility of evidence in support of defence of alibi and we are of the view that he decided correctly. If a trial court having considered the evidence put forward by the defence holds that such evidence amounts to evidence in support of an alibi for which no notice under s. 402A Criminal Procedure Code has been given, then he has no discretion in the matter but to exclude such evidence.
>
> ...
>
> A determination whether particular evidence is evidence in support of alibi entails a consideration whether the evidence shows or tends to show that by reason of the presence of the accused at some particular place or area at a particular time he cannot be or is unlikely to be at the place where the offence is committed. It is difficult if not impossible to envisage with reference to a particular charge what evidence amounts or does not amount to evidence in support of a defence of alibi. It depends very much on the facts of each particular case. It has been described that "What is ordinarily meant by an alibi is that the accused's presence elsewhere is

A essentially inconsistent with his presence at the time and place alleged, and therefore with participation in the crime. An alibi may absolutely preclude the possibility of presence at the alleged time and place of the act; or the alibi may not involve absolute impossibility, but only high improbability and yet be convincing." (see Criminal Law Review 1978 pp 277-8 and also on p 278 where it is further stated that "a true alibi B defence consists of a affirmative proof of the defendant's presence somewhere other than at the time and place alleged.").

[10] Rujuk juga kes *Vasan Singh v. PP* [1989] 2 CLJ 402; [1989] 1 CLJ (Rep) 166; [1988] 3 MLJ 412. Di dalam hal ini saya juga bersetuju dengan keputusan Mohd Yusoff Abdul Rashid J di dalam kes *Rangapula Ramasamy* C *& Anor v. Public Prosecutor* [1981] CLJ 129; [1981] CLJ (Rep) 261 yang menyatakan bahawa:

Needless to say that an accused shall not be disallowed to state in evidence that a prosecution witness had made a mistake in identifying him as the person who had attacked him on the ground that the accused D on the relevant date and time as specified in the charge, was somewhere else other than the place where the alleged offence was committed. Such evidence may be regarded as a total denial of the charge and not "evidence in support of an alibi" within the meaning of s. 402A of the Criminal Procedure Code. I am of the view that s. 402A only applies when the accused proposes to call other person or persons as witness or E witnesses to support such evidence.

[11] Walau bagaimanapun, melalui Criminal Procedure Code (Amendment) Act 2010, Act A1378 yang berkuatkuasa mulai 1 Jun 2012, s. 402A CPC telah dipinda dengan menggantikan s. 402A yang lama dengan F peruntukan berikut:

(1) The Court shall, at the time the accused is being charged, inform the accused as to his right to put forward a defence of alibi.

(2) Where the accused seeks to put forward a defence of alibi, he shall put forward a notice of his alibi during the case management process.

G (3) Notwithstanding subsection (2), where the accused has not put forward a notice of his alibi during the case management process, he may adduce evidence in support of an alibi at any time during the trial subject to the following conditions:

(a) the accused has given a written notice of the alibi to the Public H Prosecutor; and

(b) the Public Prosecutor is given a reasonable time to investigate the alibi before such evidence can be adduced.

(4) The notice required under this section shall include particulars of the place where the accused claims to have been at the time of the I commission of the offence with which he is charged, together with the names and addresses of any witnesses whom he intends to call for the purpose of establishing his alibi.

[12] Peruntukan baru ini digubal untuk memudahkan dan memberikan kelonggaran kepada tertuduh berkaitan pemberian notis alibi kepada pihak Pendakwa Raya. Di dalam kes ini, pihak responden gagal memberikan notis alibi semasa pengurusan kes atau pun memberikan notis bertulis kepada Pendakwa Raya di bawah peruntukkan s. 402A(3) semasa perbicaraan telah berjalan. Oleh itu, jika responden kemukakan keterangan alibinya, apakah kedudukan atau nilai keterangan yang dikemukakan untuk menyokong alibi tersebut. Dalam konteks ini, peruntukan s. 402A yang baru tidak menyatakan kebolehterimaan keterangan yang menyokong alibi tanpa notis alibi dikemukakan kepada Pendakwa Raya. Saya terpanggil untuk merujuk kepada dua kes yang menyatakan tujuan sebenar kenapa notis kepada Pendakwa Raya diperlukan. Kes pertama adalah kes Mahkamah Agong, *Vasan Singh v. PP (supra)* di mana Harun SCJ menyatakan bahawa:

> The primary purpose of an alibi notice is to alert the prosecution to the fact that an alibi might be relied upon so that they may have the opportunity before the trial of making such investigations as they think fit. It may well be that the alibi is in fact true in which event the prosecution will either withdraw the charge or offer no evidence in the case.

[13] Saya juga bersetuju dengan keputusan Mohd Yusoff Abdul Rashid J di dalam kes *Rangapula Ramasamy & Anor v. Public Prosecutor (supra)*, walaupun diputuskan atas peruntukan s. 402A yang lama, yang menyatakan bahawa:

> Section 402A of the Code is enacted to prevent any person from fabricating an evidence of alibi and to enable the police to interrogate the intended witness or witnesses well before the date of trial to ascertain the validity of such a defence. It is indeed a condition precedent to the admissibility of the evidence of a witness purporting to support the alibi of an accused person. The non-compliance with the requirements of section 402A of the Code will render such evidence in support inadmissible. As such, a trial Magistrate has no discretion to admit any evidence in support of a defence of alibi where the provisions of section 402A of the Code have not been complied with. To allow such evidence to be admitted notwithstanding the breach of section 402A of the Code will defeat the intention of the Legislature to cure the mischief of an accused person manufacturing alibi evidence.

[14] Oleh itu di dalam kes ini, memandangkan bahawa tiada notis alibi dikemukakan kepada pihak Pendakwa Raya, maka pihak polis dinafikan hak untuk menyiasat kesahihan alibi tersebut terutama butiran di s. 402A(4) CPC tersebut dan oleh itu keterangan untuk menyokong alibi responden melalui keterangan SD2 sewajarnya tidak boleh dipertimbangkan.

[15] Seperkara lagi pemerhatian saya kepada peruntukan s. 402A(1) CPC yang baru memperuntukkan bahawa "The court shall, at the time the accused is being charged, inform the accused as to his right to put forward a defence of alibi". Perkataan yang digunakan adalah "shall". Semakan saya ke atas

A nota keterangan kes ini tidak menunjukkan bahawa peruntukan ini dipatuhi. Adalah satu kemestian kepada mahkamah untuk mematuhi peruntukan tersebut.

Pengecaman Responden

B **[16]** Responden membangkitkan isu pengecaman yang positif oleh saksi-saksi pendakwaan terhadap responden. Responden dicamkan melalui keterangan saksi SP2, SP3 dan SP4. Berikut adalah keterangan saksi-saksi tersebut berkaitan pengecaman mereka terhadap responden:

(a) Keterangan SP2

C

> ... Dalam masa yang sama, seorang lagi dari mereka telah mengetuk cermin belakang pula hingga retak. Pada waktu itulah, saya dapat mengecam beliau ketika dia melihat saya di mana jarak dia dan saya hanyalah 3-4 kaki sahaja. Ini kerana cermin kereta sebelah saya telahpun pecah 100% dan saya boleh lihat beliau dengan jelas sekali dihadapan saya ...

D

> (Mukasurat 31 RR)

(b) Seterusnya semasa disoal semula SP2 menyatakan bahawa:

> ... Saya memang cam Sukveer Singh (OKT1) sebab hidungnya senget sedikit dan tidak seperti orang lain ... (Mukasurat 37 RR).

E

(c) Keterangan SP3

> ... Dalam kawad cam kedua pula saya dapat cam lelaki yang turun dan pergi ke sebelah kiri kenderaan. Waktu itu, saya dapat cam beliau kerana bentuk hidungnya yang tinggi dan mancung

F

> Mahkamah: SP3 cam OKT1, Sukveer Singh ...
>
> (Mukasurat 40 RR)

(d) Seterusnya semasa disoal balas SP3 menyatakan bahawa:

> ... Dalam kawad cam kedua, saya tidak setuju saya ada nampak OKT1 iaitu Sukveer Singh di Balai Polis sebelum kawad cam dijalankan. Saya cam OKT1 berdasarkan hidungnya yang tinggi, mancung dan sedikit halus

G

> (Mukasurat 42 RR).

H (e) Keterangan SP4

> ... Namun pada kawad cam kedua saya dapat cam orang yang cuba menyerang dan tetak tingkap dengan gunakan parangnya. Kawad cam kedua ini dibuat pada 15.8.2012
>
> Mahkamah: OKT1 (Sukveer Singh) dicamkan oleh SP4 ...

I

> ...
>
> Jarak hanya sekitar 1-2 kaki sahaja antara saya dengan orang yang pegang parang (OKT1) ...
>
> (Mukasurat 45 dan 46 RR)

(f) Seterusnya semasa disoal semula SP4 menyatakan bahawa: A

... Sebelum kami diserang, saya memang lihat wajah OKT1 bila dia mendekati cermin tingkap saya dan menetak tingkap ...

(Mukasurat 48 RR)

[17] Berdasarkan keterangan SP4, adalah jelas bahawa SP3 yang memandu B Perodua Kembara KBW 3726 sebelum dirompak wang gaji yang dipegang oleh SP2. SP2 pada masa itu duduk di hadapan di sebelah pemandu manakala SP4 pula duduk di belakang kereta tersebut.

[18] SP4 menyatakan di dalam keterangan bahawa kejadian tersebut berlaku dalam seminit sahaja. Jika diteliti keterangan SP2, beliau C menyatakan bahawa cermin kereta sebelahnya telahpun pecah 100 peratus dan SP2 dapat melihat responden dengan jelas di hadapannya. Kejadian responden yang dikatakan mengetuk cermin belakang kereta tersebut hingga retak adalah pada masa yang sama dengan masa kejadian seorang lagi lelaki yang dikatakan memecahkan cermin di sebelah SP2 duduk dengan D menggunakan kapak. Amat menghairankan bahawa SP2 tidak dapat mengecam lelaki yang pecahkan cermin disebelah SP2 duduk tetapi dapat mengecam lelaki yang memecahkan cermin di belakang beliau yang menggunakan parang. Malah SP4 di dalam keterangannya pula menyatakan bahawa beliau tidak nampak siapa yang mengambil wang gaji daripada SP2 E tetapi dapat mengecam lelaki yang menggunakan kapak dan parang atas alasan bahawa kedua-dua mereka tidak memakai topi keledar "full-face". Tetapi semasa disoal balas oleh peguam pula beliau tidak pasti pula sama ada keempat-empat lelaki India tersebut memakai topi keledar atau tidak (ms. 47 RR). Oleh itu terdapat keraguan tentang pengecaman dari keterangan saksi-saksi pendakwaan. F

Kawad Cam

[19] Peguam responden juga membangkitkan isu berkaitan pengendalian kawad cam oleh pihak polis terhadap responden. Kawad cam hendaklah dijalankan secara teratur supaya pengecaman saksi di dalam kawad cam dapat G diterima oleh mahkamah. Berkaitan isu ini, beberapa kes boleh dijadikan sebagai panduan. Di dalam kes *Chan Sin v. Public Prosecutor* [1949] 1 LNS 9; [1949] 1 MLJ 106, Willan CJ menyatakan bahawa:

... We consider the way the police conducted this Identification Parade to have been highly irregular, improper and definitely unfair to the H appellant. We also consider that the explanation given by the Police Inspector for the method adopted by him in so conducting this Parade was unsatisfactory, because we have no doubt that when he formed up the Parade he knew the suspected man was a Chinese male - the appellant - and hoped that he would be identified by both DPC. 132 and PC. 3950. I

We would further point out that in this country it has always been the practice in Police Identification Parades that all the persons on the Parade should be of the same nationality as that of the suspected person, as far

A as possible they should be from the same station in life as that of the suspected person; and also there should be no great disparity of ages in the persons on the Parade ...

[20] Di dalam kes Mahkamah Rayuan, *Public Prosecutor v. Pasupathy Kanagasaby* [2001] 2 CLJ 753; [2001] 2 MLJ 143, Mokhtar Sidin JCA,
B memutuskan bahawa:

From the evidence which we have stated earlier, most of the participants were of different age and height from the respondent and according to the authorities, the identification parade held was certainly unfair to the respondent. The learned deputy public prosecutor in his reply conceded
C the disparity but submitted that the respondent did not raise any objection when the parade was held. With the greatest respect to the learned deputy public prosecutor, we are of the view that it was not for the respondent to object but rather the duty of the officer conducting the parade to ensure that the parade was properly and fairly held. To ensure that the parade is properly and fairly held it is the duty of the officer
D conducting the parade to look for participants who are of similar age, stature and appearance as the accused person.

For the reasons we have stated, we find that the evidentiary value of the identification parade is worthless and the learned magistrate should not have considered the evidence of identification of the respondent by PW14
E at the parade.

[21] Meneliti keterangan kes ini, sebanyak tiga sesi kawad cam diadakan oleh pihak polis yang melibatkan responden (Rujuk ms. 186-212 RR- Laporan Kawad Cam P16 A, B dan C). Pengecaman adalah oleh saksi SP2, SP3 dan SP4 yang mana kesemua mereka dapat mengecam responden.
F Sesi kawad cam tersebut diadakan pada 15 Ogos 2012 iaitu hampir seminggu selepas kejadian. Pada masa kejadian dan juga kawad cam, responden berusia 20 tahun. Penelitian saya terhadap peserta kawad cam menunjukkan bahawa sepuluh peserta kawad cam yang masing-masing pada masa itu berusia 30, 58, 26, 27, 30, 45, 43, 40, 27 tahun dan seorang lagi tidak dapat dibaca
G nombor kad pengenalannya. Terdapat perbezaan umur yang ketara di antara peserta kawad cam tersebut dengan responden. Berdasarkan isu ini sahaja keterangan pengecaman melalui kawad cam seharusnya diketepikan.

[22] Seperkara lagi adalah berkaitan diskripsi responden bagi tujuan pengecaman. SP2 semasa perbicaraan menyatakan bahawa dia dapat
H mengecam responden berdasarkan hidungnya bengkok sedikit. Semasa disoal semula beliau menyatakan bahawa hidung responden senget sedikit tidak seperti orang lain. SP3 pula di dalam keterangannya menyatakan bahawa dia dapat mengecam responden kerana bentuk hidungnya yang tinggi dan mancung dan sedikit halus serta senget sedikit. Perkara ini dinyatakan semasa
I perbicaraan sahaja tetapi diskripsi ini tidak terdapat di dalam laporan kawad cam. Dalam konteks ini saya merujuk dan bersetuju dengan keputusan kes *Jaafar Ali v. PP* [1999] 1 CLJ 410 di mana Augustine Paul J menyatakan bahawa:

The quality of the identification evidence that is required includes a description of the accused that the identifying witness must have given to the police. The need for such description is implicit in Turnbull itself and has been stressed in cases such as *R v. Atfield* (1983) 25 Alta LR (2d) 97; *R v. Power* (1987) 67 Nfld & PEIR 272 (refd) and *PP v. Amar Singh* [1948-49] MLJ Supp 55 (refd). In my opinion, it is necessary for an identifying witness to give a description of the accused especially in cases where the accused was not known to the witness prior to the incident. It may not be necessary where there is other supporting evidence on the identification of theaccused and when the accused is well known to the witness. The object of a description of the accused is explained by Deutscher and Leonoff in their book entitled Identification Evidence in the following words at pp 111-112:

> This preserves the original memory in as accurate a form as possible. The original description can then be cross-checked with the description given by other witnesses, with the actual appearance of the accused, and with the description given at trial. Variations between the original description and that given at trial may be as a result of the numerous psychological factors that tend to distort memory over time ...

Rujuk juga kes Mahkamah Rayuan di dalam *Edy S v. PP* [2013] 9 CLJ 48.

[23] Tiada mana-mana di dalam laporan kawad cam ataupun laporan polis yang menyatakan bahawa lelaki yang merompak SP2, SP3 dan SP4 ini mempunyai diskripsi sedemikian dan pengecaman mereka adalah berdasarkan kepada diskripsi tersebut. Hanya semasa perbicaraan sahaja perkara diskripsi ini ditimbulkan. Tambahan pula semasa rompakan berlaku, mengikut keterangan saksi, mereka memakai topi keledar dan semasa kawad cam responden dan kesemua peserta tidak memakai topi keledar. Dalam hal ini, saya mendapati bahawa keterangan ketiga-tiga kawad cam ini terhadap responden adalah tidak bernilai dari segi keterangan.

Isu Tambahan-Kegagalan Memanggil Saksi Material

[24] Pegawai penyiasat kes ini adalah Inspektor Nur Wahidah binti Zainuddin (SP8). SP8 semasa disoal balas mengesahkan selain daripada responden dan dua tertuduh lain yang ditangkap, terdapat tiga orang lagi ditangkap dari satu keluarga iaitu Chandran (bapa) dan dua anaknya Melvindran dan Ravindran. Ketiga-tiga mereka menurut keterangan SP8 mengenali kesemua tertuduh. SP8 di dalam pemeriksaan balas juga mengesahkan bahawa Chandran bekerja di Ladang Kupang dan mengetahui bila gaji dikeluarkan pada bulan itu. Chandran telah meninggal dunia sebelum perbicaraan ini. SP8 juga menyatakan bahawa salah seorang anak Chandran yang memberitahu nama-nama orang yang terlibat di dalam kes ini termasuk nama responden. Menurut SP8, ketiga-tiga mereka tidak dituduh kerana tiada bukti walaupun Chandran sebagai pekerja di Ladang Kupang mengetahui bila gaji dikeluarkan pada bulan tersebut.

[25] Semasa menyoal balas SP8, peguam yang terpelajar juga ada menyoal pegawai penyiasat berkaitan fakta bahawa ketiga-tiga tertuduh termasuk responden pada hari dan waktu kejadian telah pergi ke Baling dari Kulim untuk mencari madu. Responden semasa memberi keterangan di peringkat pembelaan menyatakan bahawa dia ada berjumpa dengan Melvindran dan Ravindran di pekan Baling berhampiran stesen bas pada hari kejadian. Responden menegur mereka dengan mengangguk kepala tetapi tidak bercakap. Menurut responden, dia dan dua tertuduh yang lain kemudiannya telah balik ke Kulim dengan menaiki bas pada jam 11.30 pagi. Kedua-dua Melvindran dan Ravindran juga tidak dipanggil untuk menyangkal keterangan responden bahawa mereka tidak berada di stesen bas Baling sepertimana dinyatakan oleh responden. Terdapat banyak kelompangan dalam kes pendakwaan ini.

[26] Kedua-dua anak Chandran ini iaitu Melvindran dan Ravindran telah tidak dipanggil oleh pendakwaan untuk memberi keterangan atau sekurang-kurangnya ditawarkan kepada pembelaan walaupun kesemua mereka diambil percakapan di bawah s. 112 CPC. Pada peringkat ini sepatutnya s. 114(g) Akta Keterangan 1950 boleh dibangkitkan kerana kedua-dua saksi tersebut yang menamakan responden dan dua yang lain terlibat dalam rompakan ini adalah saksi material tetapi tidak dipanggil memberi keterangan atau sekurang-kurangnya ditawarkan kepada pembelaan (Rujuk *Munusamy Vengadasalam v. Public Prosecutor* [1987] 1 CLJ 250; [1987] CLJ (Rep) 221; [1987] 1 MLJ 492).

Kesimpulan

[27] Berdasarkan keterangan kes ini, saya bersetuju dengan dapatan HMS yang mendapati bahawa pihak pendakwaan telah gagal untuk membuktikan kesnya tanpa keraguan yang munasabah. Oleh yang demikian, rayuan perayu ditolak dan keputusan HMS yang melepas dan membebaskan responden daripada pertuduhan dikekalkan.